

**PROFIL PERKHIDMATAN: SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

**VERSI : 1.0 - OKTOBER 2024**

**SUMBER : MEJA BANTUAN DAN**

**PEMILIK MODUL: PN KHAIRUL BARIAH BINTI SULAIMAN**

**SOALAN UMUM**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Di manakah menu opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di HRMIS?	Menu tersebut boleh diakses melalui Pentadbiran Sistem > Penyelenggaraan Rekod > Fungsi > Profil Perkhidmatan > Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
2	Siapa yang boleh akses menu?	Pentadbir HRMIS / Pentadbir Sumber Manusia (PSM) (Modul Profil Perkhidmatan).
3	Bagaimana jika capaian ke atas fungsi ini perlu diberikan kepada pentadbir lain?	Pentadbir Profil Perkhidmatan Tahap 1 & 2 di agensi masing-masing boleh memberikan peranan tersebut kepada pentadbir dalaman agensi sekiranya perlu. Walaubagaimanapun, setelah semua kerja-kerja cetakan dokumen opsyen selesai, fungsi ini perlu 'ditarik' semula, tertakluk kepada keperluan jabatan masing-masing.
4	Apakah maksud paparan Status Penerimaan Opsyen SSPA.	Paparan menunjukkan peratus (status) semasa pegawai di agensi bagi pemilihan penawaran opsyen SSPA.
5	Apakah fungsi yang tersedia pada Menu Selenggara Dokumen Opsyen?	Terdapat 2 tab apabila Pentadbir klik Lihat Dokumen untuk lebih lanjut.*  (i) Dokumen Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam - muat turun lampiran G1 - G4 bagi skim perkhidmatan dikekalkan. (ii) Selenggara Pemilihan Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam - mengemaskini penerimaan pemilihan opsyen oleh Pemilik Kompetensi di agensi (bersetuju / tidak bersetuju)  *Mohon rujuk Manual Pengguna pada Portal HRMIS bagi keterangan lengkap

6	Apakah fungsi yang tersedia pada Laporan Penerimaan Opsyen	Lihat dan muat turun laporan keseluruhan (bersetuju /tidak bersetuju)
7	Pada tab Dokumen Opsyen Sistem Saran Perkhidmatan Awam, apa maksud Mata Gaji Tahun 2024?	<p>Mata Gaji Tahun 2024:</p> <p>(i) Ada - menunjukkan mata gaji bagi tahun 2024 telah dikemaskini pada Item 16 Profil Perkhidmatan (Mata Gaji Pemilik Kompetensi)</p> <p>(ii) Tiada - tiada mata gaji tahun 2024 yang telah dikemaskini di Item 16 Profil Perkhidmatan (Mata Gaji Pemilik Kompetensi)</p> <p>Mata gaji tahun 2024 perlu dimasukkan bagi membolehkan borang opsyen memuat turun mata gaji terkini &amp; kiraan gaji baharu adalah berdasarkan mata gaji terkini. Sila pastikan tiada pertindihan mata gaji yang sama bagi tahun 2024</p>
8	Mata gaji tahun 2024 tiada, tetapi borang boleh dimuat turun?	Borang masih boleh dimuat turun, tetapi mata gaji yang dipaparkan adalah mata gaji sebelum tahun 2024 dan tidak terkini.
9	Saya membuat carian pegawai dengan memasukkan nombor kad pengenalan, tetapi tiada rekod.	Hanya pegawai berikut yang dipaparkan borang opsyen: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pegawai yang terlibat SSPA bagi skim perkhidmatan yang dikekalkan.</li> <li>(ii) Pegawai berstatus lantikan tetap di Item 1 Profil Perkhidmatan (Status Lantikan Pemilik Kompetensi)</li> <li>(iii) Pegawai dengan status sandangan: sandangan tetap di HRMIS</li> <li>(iv) Pegawai sehingga gred 54 sahaja, tidak termasuk JUSA.</li> </ul>
10	Nama, Jawatan dan Alamat Ketua Jabatan kosong.	Perkara tersebut perlu diisi secara manual oleh Pentadbir agensi.
11	Kiraan gaji pegawai SSPA menjadi dua kali ganda	Terdapat 2 mata gaji pada item 16 bagi tahun 2024
12	Bingkai halaman ( <i>Page Border</i> ) dokumen tidak betul	Sila cetak dokumen menggunakan format PDF dan tetapan A4 ketika mencetak